

10/08/1997

Kerajaan tentukan garis panduan hadiah (HL)

Zainudin Isa; Roslan Ibrahim

KUALA LUMPUR: Kerajaan akan mengeluarkan garis panduan berhubung bentuk cenderahati atau hadiah yang boleh diterima pemimpin politik, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, garis panduan itu penting bagi mengelak sesetengah pihak membuat anggapan kononnya hadiah atau cenderahati berkenaan juga sebagai satu bentuk rasuah.

"Cenderamata dan cenderahati ini sebagai token sahaja dan kadang-kadang bernilai tinggi. Jadi, kita akan tentukan bentuk cenderamata yang boleh diterima dan yang patut diserahkan untuk dinilai Kementerian Kewangan.

"Jika dikehendaki juga, ia boleh dibeli balik oleh orang itu atau disimpan Kementerian Kewangan, atau pun hadiah atau derma itu diserahkan saja kepada kerajaan," katanya.

Menurut Perdana Menteri, cenderahati yang berharga sudah tentu perlu diserahkan untuk dinilai Kementerian Kewangan.

Dr Mahathir berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Barisan Nasional (BN) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, semalam.

Mesyuarat kira-kira empat jam itu turut dihadiri Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim; Setiausaha Agung BN, Datuk Mohamed Rahmat; Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik; Presiden MIC, Datuk Seri Samy Vellu dan presiden serta wakil parti komponen lain.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN, berkata sudah menjadi amalan sekarang hampir setiap upacara dan majlis yang dihadiri pemimpin politik, mereka diberi cenderamata atau cenderahati.

"Umpamanya, saya pergi ke satu pameran baru-baru ini, setiap gerai beri saya sesuatu. Bagi mereka ia sebagai satu promosi. Saya cuma jadi alat untuk mempromosikan barangan mereka.

"Saya tak pakai barangan itu, telefon banyak-banyak buat apa. Semua itu saya hantar baliklah. Tetapi, kadang-kadang bila kita tandatangan sesuatu, pen itu dia beri dengan nama kita. Benda ini kita akan timbanglah yang mana boleh simpan atau tidak," katanya.

Beliau bagaimanapun mengakui memang sukar untuk menentukan sama ada sesuatu cenderahati itu berharga manakala sesetengahnya pula tidak praktikal untuk diserahkan terus kepada Kementerian Kewangan.

"Kalau makanan itu susahlah sikit untuk dihantar ke kementerian tak ada kerja lain pula kerana kita tahu setiap hari kita dapat hadiah.

"Kadang-kadang kita benarkan dia makan, kita halalkannya. Buah pun begitu juga, halalkan dia makan, tapi kalau buah itu dibuat daripada emas, itu lain sikit," katanya.

Ditanya sama ada garis panduan itu akan turut membabitkan kakitangan kerajaan, Dr Mahathir berkata: "Setakat ini, kita tekankan kepada anggota politik saja, tapi kalau anggota kerajaan, ia sama saja."

Sementara itu, Anwar dalam penjelasannya mengenai perkara itu, berkata hadiah yang diterima Perdana Menteri disimpan di Galeria Perdana dan didaftarkan di Jabatan Perdana Menteri, meskipun belum ada lagi peraturan mengenainya.

"Peraturan ini cuma untuk menjelaskan supaya ia digunakan untuk seluruh negara," katanya.

Mengenai amalan rasuah, Dr Mahathir berkata, mesyuarat BN turut bersetuju supaya tindakan undang-undang diambil terhadap semua pemimpin dan anggota komponen itu yang terbabit dengan rasuah tanpa mengira

kedudukan atau hubungan mereka dengan mana-mana pihak.
(END)